

UMT gesa kerajaan beri nama lima pulau

5/4 08/07/07 pg-T2

■ W. SAIDATUL FADZILAH

KUALA TERENGGANU – Sebanyak lima buah pulau baru yang dijumpai penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Setiu beberapa tahun lalu perlu diberi nama bagi memudahkan sebarang perancangan yang akan dijalankan pada masa akan datang.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr. Sulaiman Yassin berkata, penemuan pulau tersebut pada tahun 2003 turut memperlihatkan kejayaan pihaknya dalam menjalankan penyelidikan secara berterusan di kawasan itu.

“Kita berharap pihak kerajaan dapat meletakkan nama bagi kelima-lima buah pulau yang ditemui ketika menjalankan penyelidikan di Tanah Bencah, Setiu bermula 2003 hingga sekarang.

“Kita turut mendapati pulau tersebut sememangnya cantik dan mempunyai keluasan kira-kira 20 ekar, di samping turut mengesan dua buah pulau yang hilang akibat hakisan kerana terletak berdekatan muara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas menandatangani Memorandum Persefahaman Pengurusan Mapan Tanah Bencah Setiu antara Universiti Malaysia Terengganu dan Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia), di sini, semalam.

Katanya, Tanah Bencah Setiu atau Setiu Wetlands mempunyai nilai estetika paling tinggi kerana kepelbagaian ekosistem dan khazanah biologi, di samping menjadi aktiviti akuakultur dan ternakan di dalam sangkar.

Selain itu, Ketua



Dr Sulaiman Md Yassin dan Dr Dionysius S.K.Sharma, masing-masing mewakili UMT dan Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pengurusan Mapan Tanah Bencah Setiu, semalam.

Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Dr. Dionysius S.K.Sharma, mengakui Wetlands tersebut merupakan tempat yang paling unik di Semenanjung Malaysia yang pernah dijumpai WWF-Malaysia.

“WWF-Malaysia melakukan pelbagai bentuk penyelidikan berkaitan pe-

nyu, tuntut laut, tuntut sungai serta kajian biodiversiti di Tanah Bencah Setiu sejak 1993 dan kita tidak pernah menjumpai tempat yang paling unik seperti itu di Semenanjung Malaysia. Selain itu, tempat tersebut juga penting sebagai penapis pencemaran semula jadi,” katanya.